



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur  
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

---

( 56 )KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 37

12 November 2009

Pengarang  
Sinar Harian

Tuan/Puan,

**Akhbar : Sinar Harian**  
**Tarikh : 12 Oktober 2009**  
**Muka surat : S7**  
**Tajuk : Pembeli 'muak' janji palsu pemaju**

Merujuk kepada artikel dari akhbar Sinar Harian bertajuk “Pembeli 'muak' janji palsu pemaju”, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Sinar Harian kerana mengenengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan tersebut dan membuat semakan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli Projek Perumahan Lestari Puchong yang mula dimajukan pada tahun 2003 oleh Syarikat Lestari Puchong Sdn. Bhd. yang juga merupakan anak syarikat kepada Syarikat Talam Corporation Berhad.

Projek yang melibatkan dua fasa iaitu Fasa DS1D sebanyak 209 unit dengan jenis rumah teres dua tingkat dan Fasa DS6E sebanyak 360 unit jenis rumah pangsa lima tingkat sepatutnya siap pada tahun 2005.

Namun demikian, pemaju telah gagal menyiapkan projek pada masa yang ditetapkan kerana menghadapi masalah pengurusan dan kewangan. Bagi memastikan projek ini dapat dipulihkan, Jabatan Perumahan Negara telah mengarahkan Syarikat Talam Corporation Berhad supaya mendapatkan kontraktor baru dan mencari kaedah baru.

Sebagai langkah pemantauan, Jabatan Perumahan Negara mengadakan mesyuarat berkala dengan Syarikat Talam Corporation Berhad dan juga membuat pemantauan secara lebih dekat dengan membuat lawatan tapak dengan lebih kerap supaya projek ini bagi memastikan projek ini dapat disiapkan secepat mungkin. Pemaju menyatakan bagi Fasa DS1D untuk 136 unit dijangka dapat disiapkan pada bulan Oktober 2009 manakala bakinya, 73 unit, dijangka siap pada bulan Mac 2010. Manakala bagi Fasa DS6E, ianya dijangka siap pada 31 Ogos 2010.

**Dikeluarkan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**